

06 FEB 2004

Mahathir-Anugerah

DR MAHATHIR TERIMA DOKTOR KEHORMAT DARIPADA UNPAD

Oleh: Openg Onn

BANDUNG, 6 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad hari ini menerima anugerah doktor kehormat dalam bidang ekonomi

pembangunan daripada Universiti Padjadjaran (UNPAD), sebuah institusi

pengajian tinggi kerajaan Indonesia di Bandung.

Anugerah itu disampaikan oleh Rektor UNPAD, Prof Dr A.H. Himendra pada

satu upacara khas yang diadakan di Dewan Konvokesyen universiti itu.

Hampir 1,000 tetamu menghadiri majlis itu termasuk isteri beliau, Tun

Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pendidikan Indonesia, Malik Fajar dan para

pelajar Malaysia yang melanjutkan pendidikan di institusi ini.

Gelaran doktor kehormat itu dianugerahkan kepada beliau sebagai pengiktirafan terhadap jasa-jasa cemerlang dan wawasannya dalam membawa

Malaysia ke tahap baru pembangunan terutama ke dunia perindustrian serta

melaksanakan secara gigih dasar-dasar mengurangkan jurang kemiskinan antara

penduduk pelbagai kaum.

Dr Mahathir merupakan pemimpin ketiga di dunia yang menerima gelaran

berkenaan dari universiti itu yang ditubuhkan pada November 1957.

Yang lain

ialah bekas Presiden Yugoslavia, mendiang Josip Broz Tito dan bekas pemimpin Vietnam, mendiang Ho Chi Minh.

Dalam ucapan penerimaannya, Dr Mahathir berkata beliau berasa amat

berbesar hati kerana ia merupakan kali pertama sebuah universiti di luar

Malaysia menyebut pembangunan ekonomi Malaysia sebagai asas kepada anugerah

yang tinggi itu.

Beliau berkata sekalipun berbangga diberi kredit kerana pembangunan

ekonomi Malaysia, "secara ikhlas saya perlu berkongsi kredit ini dengan

tiga Perdana Menteri yang mendahului saya".

Katanya Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak

Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn, telah meletakkan asas-asas yang

mbolehkan Malaysia mara dengan pantas dalam 20 tahun terakhir ini.

Beliau kemudian menceritakan sejarah dan menghuraikan resipi yang diterapkannya sehingga berjaya menggerakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara termaju di rantau ini.

Bekas Perdana Menteri menekankan tentang betapa pentingnya kestabilan politik, yang asasnya telah diletakkan oleh Tunku Abdul Rahman bagi menentukan pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan baik.

Beliau juga menceritakan tentang kerjasama antara kerajaan dengan korporat berdasarkan konsep "Persyarikatan Malaysia" yang diterapkan dari Jepun, sebagai satu lagi rahsia kejayaan Malaysia.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, cukai korporat ialah sebanyak 28 peratus -- turun daripada 45 peratus sebelumnya dan secara tidak langsung kerajaan menganggap dirinya sebagai pemegang saham 28 peratus dalam syarikat-syarikat perniagaan.

Katanya ini bererti 28 peratus daripada keuntungan syarikat adalah milik kerajaan, walaupun tidak meletakkan satu sen pelaburan dalam syarikat berkenaan.

"Jika syarikat untung kerana urusan dengan kerajaan dipermudahkan dan dipercepatkan, yang menikmati keuntungan ialah kerajaan juga," katanya.

Beliau berkata kerajaan menolong semua syarikat walaupun tidak semua yang berjaya dan menjadi terkenal.

"Yang berjaya dikatakan kroni kerajaan. Itu adalah pendapat Barat yang tidak senang dengan kemajuan Malaysia. Kita tidak peduli dengan tuduhan itu," katanya.

Dr Mahathir serta isteri tiba di sini pagi ini dari Kuala Lumpur dengan pesawat khas dan menginap di sebuah hotel di kota yang juga dikenali sebagai "Paris Van Java" yang terletak kira-kira 185 km ke timur Jakarta, ibu negara Indonesia.

Beliau kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid UNPAD sebelum mengadakan lawatan ke pejabat suratkhbar "Pikiran Rakyat" yang berpangkalan di Bandung, ibu kota provinsi Jawa Barat.

Pada sebelah petangnya, beliau mengadakan pertemuan dan berdialog dengan mahasiswa Malaysia yang belajar di UNPAD.

Beliau akan singgah di Jakarta untuk lawatan singkat sebelum pulang ke Kuala Lumpur esok.

-- BERNAMA  
OPP NER AHH ROS